


1. Maklumat berikut berkaitan pilihan yang dibuat oleh suatu unit ekonomi.

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah membuat keputusan untuk membina kiosk penjaja kecil di kawasan yang menjadi tumpuan pelancong dalam dan luar negeri.

Pilih pernyataan yang betul berkaitan unit ekonomi di atas.

- A Pembiayaan yang dibuat menggunakan sumber modal yang terhad.
 - B Pemilihan projek adalah berdasarkan kos pengeluaran yang minimum
 - C Penentuan yang dilakukan melibatkan barang kedua terbaik dilepaskan.
 - D Pembuat keputusan bagi memastikan kesejahteraan masyarakat dipelihara.
2. Usahawan adalah sumber ekonomi yang...
- A mempunyai mobiliti geografi dan kegunaan yang terhad
 - B menggabungkan faktor pengeluaran dalam proses pengeluaran
 - C menyumbang tenaga dalam mengeluarkan sejumlah output
 - D menerima ganjaran faedah dalam menghasilkan barang dan perkhidmatan
3. Rajah 1 berkaitan dengan Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP)



Rajah 1

Pernyataan manakah yang betul berkaitan dengan KKP di atas?

- A Titik D menunjukkan berlaku kos lepas terhadap baju melayu sebanyak 5 unit
- B Titik B berlaku kos lepas terhadap baju melayu sebanyak 2 unit baju kurung
- C Tambahan baju melayu akan meningkat jika titik berubah dari C ke titik B
- D Tambahan kos lepas bagi satu unit baju melayu adalah semakin berkurang

4. Maklumat berikut berkaitan dengan masalah asas ekonomi.

Syarikat Alinah Karim Brilian Sdn Bhd memiliki 2 cawangan memasarkan output di sekitar negeri Melaka menggunakan perkhidmatan pekerja tempatan.

Antara berikut , apakah masalah asas yang telah diselesaikan ?


- I Apa yang hendak dikeluarkan
- II Berapa yang hendak dikeluarkan
- III Bagaimana hendak dikeluarkan
- IV Untuk siapa dikeluarkan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

5. Bagaimana sistem ekonomi kapitalis menyelesaikan teknik pengeluaran?

- A Mekanisme harga melalui kuasa permintaan dan penawaran
- B Penentuan kos pengeluaran yang minimum
- C Corak agihan pendapatan dan kuasa beli
- D Pengguna dianggap raja dalam pasaran


6. Rajah 2 berikut menunjukkan keluk permintaan bagi sesuatu barang.




Situasi manakah yang menyebabkan berlakunya perubahan keluk dari D_0D_0 Ke D_1D_1 ?

- A Harga barang itu meningkat
- B Harga barang penggenap meningkat
- C Kadar cukai pendapatan individu meningkat
- D Jangkaan harga pada masa depan meningkat

7. Rajah yang manakah menggambarkan berlakunya peningkatan harga bahan mentah.



8. Rajah 3 menunjukkan keseimbangan pasaran buku.



Pilih pernyataan yang betul tentang keluk keseimbangan di atas.

- A Harga keseimbangan pasaran berada di bawah RM10
- B Harga cenderung meningkat pada tingkat harga RM5
- C Lebihan permintaan sebanyak 30 unit pada tingkat harga RM5
- D Lebihan penawaran sebanyak 8 unit pada tingkat harga RM15

9. Jadual 2 menunjukkan hubungan antara tingkat harga dengan kuantiti ikan yang diminta.

Harga (RM)	Kuantiti ikan diminta (kg)
4	40
8	30
12	20

Jadual 2

Jika harga meningkat daripada RM4 kepada RM12, berapakah nilai keanjalan harga permintaan tersebut?


- A 0.25
 - B 0.67
 - C 2.00
 - D 4.00
10. Jadual 3 menunjukkan peratus perubahan harga dan peratus perubahan kuantiti diminta bagi sejenis barang.

Jenis barang	Peratus perubahan harga	Peratus perubahan kuantiti
R	10	5

Jadual 3

Penyataan yang manakah betul tentang maklumat dalam jadual tersebut?

- A Contoh barang ialah beras putih
 - B Jenis keanjalan barang ialah anjal
 - C Bentuk keluk permintaan adalah landai
 - D Pengguna responsif terhadap perubahan harga
11. Gambar 1 di bawah berkaitan dengan keanjalan harga penawaran suatu barang.



Gambar 1

Antara berikut yang manakah berkaitan dengan maklumat di atas?

- A Bilangan firma dalam pasaran adalah sedikit
- B Mobiliti faktor pengeluaran yang rendah
- C Tambahan kos pengeluaran yang besar
- D Wujud dalam jangka masa panjang.

12. Maklumat berikut berkaitan fungsi wang dalam ekonomi.

Fungsi Wang	I	Alat perantaraan pertukaran
	II	Alat simpanan nilai
	III	Alat bayaran tertunda
	IV	Alat pengukur nilai
Keterangan Fungsi Wang	W	Penetapan harga mengikut kualiti dan spesifikasi barang
	X	Penyelesaian pembelian barang tanpa memerlukan kehendak serentak
	Y	Pembentangan barang menggunakan kredit ansuran ditawarkan penjual
	Z	Pemilihan deposit tunai ke atas institusi kewangan

Pasangan yang manakah betul?

- A I dan W
- B II dan X
- C III dan Y
- D IV dan Z


13. Maklumat berikut berkaitan dengan fungsi bank perdagangan kepada pelanggan.

- Syarikat menggunakan perkhidmatan bank untuk membuat bayaran gaji kepada pekerja-pekerjanya setiap 25 hari bulan.

Apakah perkhidmatan bank perdagangan tersebut?

- A Debit Langsung
- B Pindahan Kredit
- C Perintah sedia ada
- D Draf bank

14. Gambar 2 berikut berkaitan dengan satu jenis pekerjaan.



Gambar 2

Pilih pernyataan yang betul berkaitan sektor ekonomi pekerjaan di atas.

- A Menyerap guna tenaga yang tinggi
- B Membekalkan sumber bahan mentah
- C Melibatkan aktiviti pemprosesan barang
- D Merupakan sektor pelengkap dalam pengeluaran

- 15 Pilih pasangan yang betul berkaitan dengan jenis pendapatan individu .

	Jenis pendapatan	Keterangan
A	Dividen	Diberikan kepada pemilik modal wang dalam simpanan
B	Faedah	Diterima kerana memberi hak penggunaan kepada orang lain
C	Untung	Dihitung berdasarkan perbezaan jumlah hasil dan jumlah kos
D	Upah	Dibayar kepada individu kerana kesanggupan menanggung risiko


16. Antara yang berikut yang manakah merupakan pasangan yang **betul**?

	KEPERLUAN	KEHENDAK
A	Harga dikawal oleh kerajaan	Harga ditentukan oleh kuasa permintaan dan penawaran
B	Mempunyai banyak pilihan	Terhad kepada beberapa jenis barang sahaja
C	Untuk mencapai kehidupan yang selesa	Untuk mencapai keselesaan hidup yang minimum
D	Dipengaruhi oleh pendapatan individu	Tidak dipengaruhi oleh pendapatan individu

17. Mengapakah belanjawan peribadi penting kepada seseorang individu?

- A Menyelaraskan pendapatan mengikut perbelanjaan
- B Menjamin semua keinginan individu dapat dipenuhi
- C Membolehkan individu memperoleh pelepasan cukai
- D Membantu individu mengurus kewangan dengan berhemah

18. Gambar 3 menunjukkan salah satu bentuk pelaburan yang terdapat di pasaran.



Gambar 3

Pilih padanan pernyataan yang betul mengenai pelaburan tersebut?

	Tahap risiko	Pulangan	Kecairan
A	Bebas risiko	Rendah	Tinggi
B	Rendah	Tinggi	Rendah
C	Sederhana	Rendah	Rendah
D	Sederhana	Tinggi	Rendah

19. Maklumat berikut berkaitan dengan kos pengeluaran bagi beg tangan.

Kos berubah	= RM 80
Kos tetap	= RM 20
Jumlah output	= 10 unit

Berapakah kos purata?

- A RM 2.00
 - B RM 6.00
 - C RM 8.00
 - D RM 10.00
20. Maklumat berikut berkaitan dengan eksternaliti.

Syarikat Van Sinaran Mentari telah membeli sebidang tanah berhampiran sebuah kampung untuk menempatkan 10 buah van.

Apakah kos sosial yang terlibat?

- A belanja operasi syarikat yang meningkat
 - B pertambahan gaji pengawal keselamatan
 - C kenaikan harga tanah di kawasan sekitar
 - D kesesakan aliran lalu lintas di kampung tersebut
21. Gambar 4 di bawah menunjukkan satu projek pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan



Gambar 4

Apakah tujuan kerajaan melaksanakan projek tersebut?

- A Merupakan peranan kerajaan sebagai majikan
- B Menguatkuasa undang-undang dan peraturan
- C Mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan
- D Mengawal selia pengeluaran dalam negara

22. Apakah kesan pelaksanaan dasar harga maksimum oleh kerajaan?
- A Meningkatkan kebijakan pengeluar
 - B Menetapkan harga yang lebih tinggi
 - C Memastikan kebijakan pengguna terjamin
 - D Mengatasi masalah kekurangan barang dalam pasaran
23. Situasi manakah yang akan menyebabkan berlakunya inflasi tolakan kos?
- A Kenaikan harga bahan mentah
 - B Wujud lebihan permintaan barang
 - C Berlakunya peningkatan bekalan wang
 - D Pertambahan tingkat pendapatan pengguna
24. Pilih padanan yang sesuai bagi kesan inflasi.

	Kesan Inflasi	Keterangan
A	Tabungan	Kecenderungan membuat simpanan akan bertambah
B	Eksport	Permintaan barang tempatan akan berkurangan
C	Pendapatan	Pendapatan tunai masyarakat akan menurun
D	Pengangguran	Kadar pengangguran akan meningkat

25. Pilih padanan yang sesuai dengan jenis pengangguran

	Pengangguran	Situasi
A	Geseran	Setelah tamat pengajian dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Nurhana masih belum mendapat pekerjaan
B	Kitaran	Semakin ramai lepasan Universiti berkerja sebagai pemandu Grab berbanding bekerja secara tetap
C	Berstruktur	Ramai pekerja di kilang kopi telah diberhentikan disebabkan oleh pandemic COVID- 19
D	Kitaran	Pekerja yang meletak jawatan untuk mengharapkan pekerjaan lain

26. Pilih pasangan yang betul.

	Alat dasar ekonomi	Situasi
A	Dasar fiskal mengembang	Menggalakkan pengeluar untuk menambahkan pengeluaran
B	Dasar fiskal menguncup	Contoh alat adalah menaikkan perbelanjaan kerajaan
C	Dasar fiskal mengembang	Digunakan untuk mengatasi masalah inflasi
D	Dasar fiskal menguncup	Kuasa beli pengguna dapat ditingkatkan

27. Pernyataan manakah yang berkaitan dengan cukai langsung?
- A Koperasi Sejahtera membayar cukai atas keuntungan yang diperoleh
 - B Cik Azie membayar cukai kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia
 - C Syarikat Pama Berhad dikenakan cukai jualan dan perkhidmatan
 - D Encik Sayuti membayar cukai kepada agensi pekerja asing
28. Contoh yang manakah merupakan perbelanjaan pembangunan kerajaan?
- A Perbelanjaan pembinaan untuk projek air seperti Loji Rawatan Air Jus, Melaka
 - B Peruntukan RM 100 juta untuk penyelengaraan dan menaik taraf makmal komputer sekolah
 - C Memberi Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP) kepada anak daripada keluarga kurang berkemampuan
 - D Serahan kepada kerajaan negeri Melaka untuk penyediaan infrastruktur yang lebih terancang
29. Tindakan manakah yang wajar diambil oleh bank pusat untuk mengawal inflasi?
- A Menaikkan kadar faedah pinjaman bank
 - B Menurunkan kadar rizab berkanun
 - C Membeli surat jaminan kerajaan
 - D Melonggarkan syarat sewa beli
30. Antara yang berikut, manakah kepentingan perdagangan antarabangsa kepada ekonomi?
- I Meningkatkan dasar perlindungan perdagangan
 - II Meningkatkan aliran wang ke luar negara
 - III Menikmati harga barang yang lebih murah
 - IV Menikmati pemindahan dan penggunaan teknologi
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
31. Apakah yang berkaitan dengan tarif dalam sekat perdagangan antarabangsa?
- A had maksimum bagi sesuatu barang yang boleh diimport
 - B menyebabkan harga barang import meningkat dan mahal
 - C larangan atau pemulauan perdagangan terhadap negara tertentu
 - D mengurangkan kos pengeluaran melalui bantuan kewangan oleh kerajaan

32. Antara berikut, yang manakah kebaikan sekatan perdagangan terhadap negara?

- I Meningkatkan pelaburan asing
 - II Meningkatkan peluang pekerjaan
 - III Menggalakkan liberalisasi perdagangan
 - IV Membolehkan industri muda berkembang
-
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

33. Pasangan manakah yang **betul** tentang komposisi eksport dan import negara?

	Keterangan	Jenis Komposisi
A	Universiti Malaya membayar gaji pensyarah dari Australia	Import nampak
B	Syarikat Proton membawa masuk alat ganti dari Thailand	Eksport tak nampak
C	Emiriah Arab Bersatu (UAE) menambah kemasukan buah-buahan segar tropika keluaran FAMA	Eksport Nampak
D	Petronas carigali meningkat pelaburan dalam sektor petroleum dan gas di Algeria	Import tak nampak

34. Elizabeth seorang warganegara Amerika Syarikat yang melancang ke Malaysia ingin membeli beg tangan yang berharga RM1000 di sebuah pasaraya terkemuka Kuala Lumpur. Berapakah harga beg tangan tersebut dalam dolar Amerika Syarikat sekiranya kadar pertukaran 1USD adalah seperti jadual di bawah.

Harga Belian (RM)	Harga Jualan (RM)
4.2910	4.2950

- A USD 232.83
- B USD 233.05
- C USD 4295.00
- D USD 4291.00

Soalan 35 hingga Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual berikut:

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 35. I Hukum penawaran menunjukkan hubungan langsung antara harga barang dengan kuantiti ditawar
II Hukum penawaran menyatakan semakin tinggi harga barang, semakin kurang kuantiti yang ditawarkan
- 36. I Apabila harga barang naik penentu penawaran ialah perubahan harga barang itu sendiri
II Apabila harga barang naik menyebabkan berlaku peralihan keluk ke kanan
- 37. I Cukai pendapatan individu akan mengurangkan potongan wajib
II Contoh potongan wajib ialah caruman insurans nyawa
- 38. I Kos tetap akan meningkat apabila firma meningkatkan pengeluaran
II Kos tetap adalah kos yang tidak berubah walaupun jumlah pengeluaran bertambah
- 39. I Kos sosial ialah barang kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan dalam pengeluaran
II Kos sosial ialah kos kepada pihak ketiga yang tidak termasuk dalam harga pasaran
- 40. I Imbangian pembayaran merupakan rekod penerimaan dan pembayaran kewangan sesebuah negara dalam tempoh satu tahun
II Butiran kredit merupakan rekod yang berkaitan dengan penerimaan kewangan dalam imbangian pembayaran